

um (Timur) 14/10/14 (Selasa) m/s 25

## 900 hadir Malam Mahabbah UMP

KUANTAN 13 Okt. - Kira-kira 900 orang hadir pada program Malam Mahabbah Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diadakan di kampus universiti berkenaan di Gambang di sini malam kelmarin.

Malam Mahabbah merupakan sebahagian acara Expoconvo 2014 sempena Majlis Konvokesyen UMP kesembilan di kampus universiti itu di Gambang dan Pekan dekat sini, bermula Rabu lalu dan berakhir semalam.

Program itu disempurnakan Pengetahuan Jawatankuasa Agama dan Dakwah Islamiah negeri, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumnii) UMP, Prof. Datuk Dr. Yusarie Zainuddin dan Penasihat Expoconvo 2014,

Zahiruddin Mohd. Zain.

Zahiruddin berkata, Malam Mahabbah yang bermula pukul 8 malam dan berakhir kira-kira pukul 11.30 malam itu merupakan program kerohanian yang dijalankan pihaknya sempena Expoconvo 2014.

“Selain mendengar ceramah daripada dua penceramah jemputan, orang ramai yang hadir juga diperdengarkan dengan alunan qasidah.

“Alunan qasidah itu merupakan hasil gabungan mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Cawangan Kuantan dan UMP,” katanya.

Beliau berkata, program itu ternyata mendapat sambutan daripada orang ramai yang hadir terutama penduduk tempatan di sekitar kawasan Gambang.